

Pada tahun 1795 Raja Melewar (Kamarulzaman) dan rombongannya datang ke Rembau dari Sumatra, Indonesia dengan sebuah kapal kecil mengikut sungai dengan tujuan ke Kampung Nerasau.

Apabila sampai di Bukit Serajin kapal mereka telah terlanggar batu besar di Sungai Bukit Serajin, rosak bocor.

Dan tak dapat dibaiki dan membawa kekaraman, dan keputusan rombongan itu menurunkan barang-barangnya ke darat di Bukit Serajin dan membatalkan pergi ke Nerasau.

Dan mereka mencari tempat di sekitar untuk mendirikan istana dan mendirikan istana di Kampung Bandar Penajis, dengan pengetahuan Dato' Undang Rembau Buapak dan dibantu oleh orang-orang kampung. Apabila istana diduduki dari Kg. Bandar diubah nama Kg. Istana Raja sehingga kini.

Dalam rombongan yang datang itu terdiri Raja Melewar, Raja Haji Embong (Bugis) Bujang Tin Ting, Raja Ngah, Bujang Hitam, Datuk Kelambu dan Tun Ulis (7).

Apabila Istana cukup dengan peralatannya baharulah mereka menjemput anak isteri masing-masing bawa ke Istana Raja Rembau.

1. Raja Melewar (Kamarulzaman) dilantik menjadi yang di pertuan Rembau.
2. Raja Haji Embong Dato' Bentara Luar/Dalam Istana (Bendahara).
3. Bujang Hitam Panglima Istana
4. Bujang Tin Ting Panglima Istana
5. Raja Ngah Panglima Istana / Penasihat
6. Dato' Kelambu Hal Ehwal dalam Istana
7. Tun Ulis Ketua Panglima Istana Raja

Daripada masa itu mereka menjalankan tugas masing-masing mencari nafkah hidup anak-anak dan isteri. Kerana peruntukan yang diberi undang tak mencukupi 2 tahun sebelum lari ke Sri Menanti pergolakan telah mula berlaku diantara Istana dengan orang-orang kampung. Mengatakan pihak Istana telah

melakukan kezaliman kepada anak isteri orang-orang kampung mengurur dan menzinahi anak-anak, isteri orang-orang kampung.

Pergolakan itu berterusan dan bertambah serius dan orang-orang kampung tidak lagi memberi bantuan kepada Istana seperti padi, buah-buahan, duit, buah kelapa dan lain-lain yang diwajibkan datuk undang. Dan orang kampung merancang membunuh Raja Melewar.

Orang-orang kampung telah merancang berbagai-bagai helah untuk menghalau supaya pihak Istana lari. Perkara yang dilakukan memasukkan bululok dalam telaga dalam sungai, tuba dan sebagainya yang boleh membawa mudarat.

Bagaimanapun penyelesaian dicari juga tetapi tak berhasil. Orang kampung tetap hendak bunuh Raja Melewar atau menghalau lari. Dengan keadaan tegang ini satu tahun hendak lari Raja Melewar telah melantik Raja Muda Yusofrudin yang didatangkan dari Sumatra, takut-takut kalau dia dapat dibunuh, Raja Muda yang dilantik masih bujang.

Sebelum lari ke Sri Menanti dalam 3 bulan lagi Raja Melewar anak isteri dihantar ke rumah undang (Bukuk) di Penajis untuk disurukkan supaya orang-orang kampung tak tahu dimana Raja Melewar berada. Oleh kerana terkongkong tidak bebas duduk rumah Undang lebih kurang 1 bulan lebih, dia minta balik ke Istana. Apabila ke Istana orang-orang kampungpun ketahui Raja Melewar masih ada.

Dan pada masa di rumah Undang masa itu Perang Cangau oleh Panglima-panglima Istana dimana nak surokan Raja Melewar isteri dan anaknya sebelum meninggalkan Istana hanya 3 hari sahaja Raja Melewar balik dari rumah Undang, Raja Melewar disurokan di Cina Putih, Taboh Naning selama 3 malam pada tahun 1815.

Pada itulah Raja Melewar selepas magrib dan orang Istana Raja (Panglima) menuju tempat yang ditentukan siapa sampai dahulu tunggu sehingga bertemu, tempat dijanjikan Batang Nyamor. Apabila telah bertemu mereka berbincang kemana dituju pula, keputusannya menuju ke Ulu Seperi. Apabila sampai Ulu Seperi menuju pula ke Miku sampai di Miku waktu subuh membuat sarapan dan makan selepas itu rombongan menghala mengikut banjaran gunung menghala ke gunung pasar Kuala Pilah.

Daripada Gurung Pasar rombongan itu berjalan lagi difikirkan tempat sesuai dan mereka berhenti dan mencari tempat yang sesuai mendirikan Istana dalam mencari tempat telah ditemui padi 10 tangkai di dalam hutan itu keputusannya rombongan membuat Istana di situ diberi nama Sri Menanti. Menanti kalau-kalau orang Istana Raja Rembau datang menyerang telah diberitahu di situ beberapa hari/minggu tiada sampai.

Orang-orang Kampung Istana Raja pada besoknya lihat istana kosong tiada penghuni lagi. Mereka berkumpul dan menjejak kemana hala mereka pergi dan dapat dikesan sehingga Bukit Miku sahaja. Di Bukit Miku mereka tak dapat kesan kemana arah mereka pergi, dan mereka mengambil keputusan balik ke Istana Raja. Asalkan pasti mereka keluar dari kawasan Rembau.

Dan membuat serbuan di Istana Raja mengambil barang-barang yang ditinggalkan seperti keris, lembing, tombak, badik dan lain-lain di campakkan ke dalam Lubuk CANGGAH, atau lubuk, kawah, kuali, Lubuk Lembong baharu puas hati mereka kerana Raja telah lari.

Yang tak ikut lari dengan alasan kemana pergi kalau perangai tak baik orang akan halau:-

1. Raja Haji Embong pergi ke Rantau Kuala Sawah dengan 2 orang isteri selama 1 tahun. Dua orang isterinya meninggal dunia di Kampung Lim Sum, Rantau, isteri tua bernama Dayang Hanum Isteri muda anak undang (Bukuk) namanya tidak diketahui.

Raja Embong balik ke istana Raja. Adiknya Dayang Nong Chik di Kg. Tiga Bator dan kahwin dengan Chendek di Ayir Melintang. Raja Haji Embong tiada zuriat dan mangkat dikebumikan di tanah isterinya di Air Melintang tahun 1817.

2. Bujang Hitam pergi Seremban makamnya di Temiang.
3. Dato' Kelambu makamnya di Rahang Kecil, Seremban. N.S.
4. Lubuk Changgah, Lubuk Kuali, Lubuk Kawah, Lubuk Lembong adalah lubuk yang sama dan berhampiran dengan Lubuk Buyau. Di sinilah Istana mendera seksa orang-orang disyaki bersalah.

5. Raja Melewar, nama asalnya Kamarulzaman oleh kerana beliau suka di waktu sebelah petang melewar-melewar dan melewar dalam kawasan istana dan di luar kawasan istana dan orang kampung gelarkan Raja Melewar sehingga kini, hilang nama oleh gelaran (Kamarulzaman).

Mengikut Raja Melewar ke Sri Menanti

1. Bujang Tin Ting makan Sri Menanti
2. Raja Muda makam Kg. Padang Astana Raja
3. Raja Ngah tiada makam dilarikan orang entah kemana
4. Tun Ulis makamnya Batu Kikir, Serting, Kuala Pilah
5. Pawang/Dukun Istana Hitam Dang Dut dan Tan Bidok (Tetek besar sebelah sebelah kanan) makan Kg.Tiga Bator
6. 2 buah meriam kecil bertulis ayat Quran diambil oleh Jepun ditapak Istana dan dibawa pergi entah kemana (1942).

**BAGAIMANA MAKAM RAJA MELEWAR DAN ISTERI BERADA
DI ASTANA RAJA, BUKIT SERAJIN
DAN MAKAM RAJA MUDA DI KAMPUNG PADANG ASTANA RAJA**

Setelah pergi ke Sri Menanti 3 bulan Raja Melewar berhasrat hendak balik ke Istana Raja Rembau mengulang jejak dan hendak menyiasat bagaimana orang-orang yang masih berdendam lagi atau sebaliknya.

Dan mereka turun sampai ke Astana Raja tengah malam. Orang kampung sedang nyenyak tidur. Mereka turun, Raja Melewar, Isteri, Bujang Tin Ting, Tun Ulis, Raja Ngah (Singah) dan Raja Muda.

Orang-orang kampung telah gempar pada paginya istana telah terang berapi dan ada orang. Orang kampung telah syak Raja Melewar telah balik.

Dengan itu orang kampung ada pergi ke Istana melihat siapa yang datang. Mereka diberitahu yang datang dari Seri Menanti ialah Panglima baru diperintahkan oleh Raja Melewar untuk mengetahui adakah orang-orang kampung Istana Raja masih berdendam lagi atau sebaliknya.

Pada masa datang Raja Melewar berpakaian Panglima dan berlagak sebagai panglima, tidak memakai pakaian raja. Dan orang kampung syak sesuatu Panglima baru itu disyaki Raja Melewar, mengelirukan orang lagi.

Dengan hal yang demikian orang-orang kampung telah membuat mesyuarat untuk menghantar 2 orang wakil ke Istana. Orang yang kenal betul-betul Raja Melewar, samada percakapan, gerak geri dan lain-lain.

Dan tidak membuang masa mereka berdua pergi ke istana sampai di istana mereka berdua dijemput masuk dan duduk dan mereka bertanya khabar. Apa khabar Raja Melewar di Seri Menanti dan dijawab oleh Panglima baru tadi khabar baik dan Raja Melewar di Seri Menanti berada dalam baik dalam masa perbualan itu wakil orang kampung itu telah dapat mengenal pasti panglima baru ini adalah Raja Melewar sebenarnya hanya menyamar sebagai panglima.

Dengan itu wakil orang kampung tadi telah meminta pada panglima untuk berunding untuk menyelesaikan masalah dan mencari pendamaian. Maka panglima setuju dan panglima meminta mesyuarat Peida maian di Istana dijawab oleh wakil kampung di istana tak sesuai kerana tiada kemudahan lagi

sempit dan mereka kata dia akan siapkan satu tempat runding di tepi Sungai Bukit Serajin. Apabila siap tempat akan diberitahu kelak, dan panglima setuju. Dan mengajukan panglima yang lain boleh dibawa bersama jawab wakil boleh. Apabila tempat siap wakil datang ke Istana beritahu panglima. Pada hari, jam datang ke tempat perundingan jawab oleh panglima dia akan sampai pada masanya.

Dan orang kampung memang tahu Raja Melewar kebal tak lot besi, melainkan buluh itupun dengan syarat kaki Raja Melewar tidak berpijak di atas bumi dengan demikian di tempat perundingan di alas dengan kayu-kayu.

Dan sebelum Pelima Rumbong Panglima sampai tempat rundingan telah dikepong oleh penyerang-penyerang bersenjatakan buluh runcing.

Apabila sampai rombongan Istana maka yang dipersilakan duduk Panglima dan isteri dan yang lain-lain diminta jauh sedikit kira-kira boleh terdengar yang dicakapkan. Yang menanti rombongan Istana hanya 3 orang sahaja yang mengepung ratusan orang dengan buluh runcing, bagaimana rancangan diatur.

Dan bila perbincangan dimulakan seorang dari yang menanti, telah bertanya kepada panglima soalnya.

Bukankah panglima ini sebenarnya Raja Melewar dengan tidak berlengah lagi panglima menjawab benar, sebenarnya saya adalah Raja Melewar dan seorang daripadanya memberi isyarat kepada orang mengepung untuk menyerang, menyerbu dan terus menikam Raja Melewar dan isteri di tempat rundingan. Panglima yang lain tak boleh buat apa-apa kerana ramainya ratusan orang tak boleh melawannya.

Dengan hal yang demikian Raja Melewar dan isteri telah rebah.

Pada masa itu juga sebelum mengembuskan nafas terakhir, sempat dia mencabut keris di pinggangnya dan menikam ke bumi dan membuat sumpahan seperti anak-anak dan keturunannya yang lain berada di Seri Menanti tidak akan dapat menjejak kaki di Kampung Astana Raja ini, siapa yang melanggar, datang mereka akan dapat bala yang besar.

Begitu juga rakyat di Kampung Astana Raja ini tak akan dapat menjunjung duli kepada keturunannya.

Demikianlah tipu helah orang-orang kampung untuk membunuh Raja Melewar dan panglima yang lain.

Selepas dibunuh Raja Melewar dan isteri mayatnya dibawa menyeberang sungai dan diusung naik ke Bukit Serajin dengan tujuan kedua mayat ini akan dihantar ke hutan Cenggai supaya dimakan oleh binatang seperti harimau dan lain-lain supaya orang-orang akan datang tak tahu makam Raja Melewar dan isteri, biar orang menyangka Raja Melewar melarikan diri entah ke mana.

Allah yang Maha berkuasa lagi mengetahui dengan niat buruk mereka hendak mengesong mayat dari kemuncak Bukit Serajin ke hutan Cenggai dengan takdir Allah mereka semua menjadi lesu, letih tak bermaya bahkan nak bangkit berasa lesu dan seorang dari kumpulan itu kuat juga hendak mayat itu ke hutan Cenggai atau sekurangnya dibuangkan di Ketiak Ular biar di makan oleh binatang buas dan seorang kumpulan itu membantah bagaimana kita hendak mengesongnya kita nak bangkitpun lesu tidak bermaya.

Maka seorang daripada mereka menjawab kita tinggalkan di kemuncak bukit ini, di sinipun tak kurang binatang buas untuk memakannya.

Dengan kehendak Allah jua seorang dari kumpulan itu menjawab kita mesti tanam jangan tinggalkan begitu saja. Sudah kita bunuh dosa kita entah macam mana, dosa yang dibunuh barang kali telah diampunkan Tuhan Allah.

Dengan itu kumpulan itu menanamnya dan menggali lubang mayat kedua-duanya ke dalam lubang itu dalam satu lubang mayat dimasukkan dalam guni dan dikambus.

Apabila diketahui oleh warisannya di Sumatra, Raja Melewar, Isteri, Raja Muda dan Raja Ngah dibunuh di Istana Raja Rembau, mereka membawa batu daka dari Sumatra dengan tergesa-gesa menanamkan batu itu di makan Raja Melewar dan Isteri kerana mereka dapat menuju makam itu kerana mereka pernah datang ke Istana dan pernah naik kemuncak Bukit Serajin dan hendak hantarkan Batu Daka Raja Muda di Kampung Padang mereka tak dapat tempatnya yang tepat takut pula dibunuh oleh orang kampung dan kembali

segera ke Sumatra. Batu Daka di makam Raja Melewar hari ini adalah dari Sumatra tidak serupa dengan Batu Daka di Malaysia. Demikian ringkasnya cerita Raja Melewar di bunuh.

1. Raja Melewar dan rombongannya datang tahun 1795.
2. Dihalau ke Seri Menanti tahun 1815.
3. Sebelum lari disurukkan di rumah undang (Penajis) (Bukuk) dan terus disurukkan ke Cina Putih Taboh Naning 3 hari 3 malam.
4. Dai pergi Seri Menanti mengikut Sungai sehingga ke Seri Menanti.
5. Dibunuh di Istana Raja Rembau tahun 1815 selepas 3 bulan di Seri Menanti turun ke Istana Rembau dan dibunuh.
6. Raja Melewar ada tanda pengenalannya di pinggang sebelah kanan ada tahi lalat hitam tegak ke atas sepanjang duit kertas satu ringgit dan sebelar dua jari.
7. Pembunuh telah periksa tanda ini supaya tidak ragu-ragu didapati ada (benar).
8. Isteri Raja Melewar nama Dayang Hanum.

RAJA MUDA YUSOFFRUDDIN DIBUNUH DI ASTANA RAJA REMBAU

Raja Muda Yusoffruddin didatang ke Istana Raja Rembau dalam pergolakan yang serius diantara orang kampung dengan istana dari Sumatra dan beliau masih bujang.

Tujuannya adalah menggantikan yang Di Pertuan kalau-kalau mati dibunuh sebelum lari ke Seri Menanti.

Kedatangannya setahun lagi hendak lari ke Seri Menanti, pergi ke Seri Menanti pergi bersama dan mengikut bersama turun ke Istana Raja Rembau dan mengikut sama berbincang dengan orang kampung. Apabila Raja Melewar dan Isteri di serang Raja Muda kalang kabut dan dia juga diburu hendak dibunuh dan menghala ke Kampung Padang merempoh Sungai dan paya yang dalam dan akhirnya beliau sampai ke daratan dan terlalu letih penah dan berhenti bersandar di sebatang pokok untuk berehat menghilangkan keletihan. Pada itu orang-orang memburunya sampai dan Raja Muda ditawan. Pada masa itu hari hampir gelap (maghrib). Penderhaka-penderhaka mengambil keputusan Raja Muda dibunuh dengan ditikam dengan buluh runcing di takutkan apabila gelap nanti Raja Muda dapat melepaskan diri lari. Dan mereka tanamkan di situ juga Kampung Padang dimakamnya kini.

1. Raja Muda dijemput dari Sumatra tujuan menggantikan Raja Melewar kalau-kalau dibunuh sebelum lari ke Seri Menanti.
2. Raja Muda masih remaja (bujang).
3. Raja Muda yang teruna baru datang setahun dibunuh. Mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat di atas rohnya. Amin.

RAJA NGAH (SINGAH) DILARIKAN ORANG ENTAH KEMANA

Dengan pergolakan yang sama Raja Ngah dapat ditawan dan ditikam tidak lot dan dibenamkan dalam sungai di Bukit Serajin ½ jam, 1 jam dan beberapa lama tidak jadi apa-apa bahkan macam biasa saja dan keputusannya penderhaka mengikut tubuh Raja Ngah dengan besi, batu yang besar berat supaya tidak timbul kalau dicampakkan dalam air. Raja Ngah dicampakkan dalam perahu di Bukit Serajin.

Dan menunggu hari petang waktu maghrib dibawa ke hilir supaya tidak ketahui orang kemana hendak dicampakkan dibenamkan ada yang mengatakan di campakkan dalam Sungai Linggi atau dalam Sungai Pengkalan Kempas atau dibawa terus ke laut dihumbankan. Sehingga hari ini tak dapat dikesan. Allah jua yang mengetahuinya dimana dibenamkan dihumbankan.

1. Raja Ngah adalah anak buah Raja Embong anak adiknya Dayang Nong Cik.
2. Raja Singah kahwin dengan Suku Tiga Bator Nissan Tinggi Isteri nama Baiyah.
3. Raja Singah tidak bawa bersama anak isteri lari ke Seri Menanti, dan Isterinya pun tidak tinggal di Istana, tinggal di Kampung Tiga Bator.
4. Warisan yang tinggal di Istana Raja pada masa ini keturunan dari Raja Embok, Raja Ngah.
5. Anak Raja Ngah:
 - i. Raja Kamariah
 - ii. Raja Chuntom
 - iii. Raja Laba
 - iv. Raja Sinap
 - v. Raja Tijah
 - vi. Raha Chachik
 - vii. Raja Latih

TUN ULIS DAN BUJANG TIN TING

Pada masa kejadian yang sama Tun Ulis dan Bujang Tin Ting dapat melepaskan diri dalam pergelutan itu dengan orang-orang kampung.

Dan terus melarikan diri menuju ke Seri Menanti dengan selamat. Apabila sampai di Istana Seri Menanti mereka memberitahu anak Raja Melewar dan orang-orang Istana, Ibu dan Ayahanda Tuanku telah dibunuh oleh orang-orang Kampug Istana Raja Rembau.

Dan nasib Raja muda dan Raja Ngah tidak diketahui samada dibunuh atau dapat melepaskan diri. Pihak Istana Seri Menanti tidak boleh buat apa-apa hendak menyerang balas kaki tangan tak ramai maklum sahaja baru datang 3 bulan.

Dan pasukan pembunuh di Istana Raja Rembau telah membuat pertahanan di Istana untuk menanti kedatangan penyerang balas dari Istana Seri Menanti. Tetapi tiada sampai.

Dan mereka membuat pertahanan menunggu selama 3 minggu namun tiada juga sampai mereka mengambil keputusan bersurai.

1. Tun Ulis dan Bujang Tin Ting terselamat dan dapat melepaskan diri ditangkap atau dibunuh.
2. Suka Perancang menghalau membunuh suku Bidunanda Relong di ketuai oleh bernama Siantan.
3. Kebanyakan orang kampung tak setuju Raja Melewar dihalau atau dibunuh oleh kerana ugutan pihak penaja terpaksa mengikut, kalau tak mahu serta, anak akan dibakar. Kebanyakan tak rela.

RAJA EMBONG / RAJA HJ BUGIS

Raja Embong tidak mengikut lari pergi ke Seri Menanti - tahun 1815. Beliau pergi dengan 2 orang isterinya ke Rantau Ulu Sawah dan menetap di sana selama 1 tahun. Malangnya bagi Raja Embong lebih kurang 1 tahun duduk di Rantau kedua-dua isterinya meninggal dunia dan dikemukakan di Kampung Lim Sum.

Dan Raja Embong balik ke Istana Raja menyamar sebagai orang musafir mengembara dan beliau sampai di Kampung Tiga Bator bertemu seorang kampung dalam kebun getah dan bertanya dimanakah tempat ini. Orang itu menjawab ini Kg. Tiga Bator Istana Raja dan dimanakan gerangan tujuan tuan jawab Raja Embong dia adalah seorang mengembara dengan tiada tujuan, dimana ada rezeki disitulah menetap. Di dalam berbual-bual itu orang itu telah syak mengenal pasti pengembara ini adalah Raja Embong, dengan itu menjunjung duli ampun Tuanku beribu-ribu ampun sembah patih harap diampun. Raja Embong tidak mengaku dia Raja Embong tetapi orang itu berkeras tuan ini adalah Raja Embong ampun Tuanku.

Dengan itu baru Raja Embong mengaku dia Raja Embong. Dia hendak balik duduk di rumah adiknya/cucunya di Kampung Tiga Bator. Pada masa itu hari hampir petang dan orang itu mengajak Raja Embong bermalam di rumahnya dan memberi jaminan keselamatan Tuanku saya jamin selamat, dan Istana Raja ini telah aman damai. Pada malam itu Raja Embong bermalam tidur di rumah orang itu, bercerita hal-hal istana raja bagaimana Raja Melewar dibunuh sebelum itu Raja Embong telah tahu Raja Melewar telah dibunuh.

Pada besok paginya Raja Embong telah pergi melawat makam Raja Melewar dan Makan Raja Muda dan tinggal menetap di rumah adiknya Dayang Nong Cik di Kg. Tiga Bator.

Memandangkan Raja Embong seorang bujang dia dirunding berkahwin dengan seorang bernama CHENDEK suku Tiga Nanik di Kg. Ketiyak Ular Air Melintang, dan meninggal dunia gering dikebumikakan di tanah isterinya dimana sekarang - tahun 1817.

Dan Raja Haji Embong tiada meninggalkan zuriat dimana sahaja beliau kahwin.

1. Raja Haji Embong tidak mengikut lari ke Seri Menanti dengan alasan kemana saja pergi kalau perangai tak baik di halau orang.
2. Raja Haji Embong pergi ke Rantau dengan 2 orang isterinya meninggal di sana :
 - i. Dayang Hanum
 - ii. Anak Undang Bukuk
3. Selepas satu tahun di Rantau balik ke Istana Raja dan kahwin dengan Chendek di Kg. Air Melintang.
4. Dan wafat dikemukakan di tanah isterinya di Air Melanting - tahun 1817.
5. Raja Embong tiada zuriat dimana sahaja beliau kahwin.
6. Raja Embong pernah datang ke Rembau, Sg. Ujung, Lukut dan pernah bertempor dengan lanun di Selat Melaka - tahun 1784.
7. Dan perang dengan Dol Said Sa'aban di Tampin. Dol Said tewas pada tahun 1812. Pentadbiran Tampin diserahkan kepada Raja Haji Embong oleh Raja Melewar. Untuk warisi keturunan Raja Embong yang berketurunan Raja, bagi suku Tiga Batur, nissan tinggi yang bergelar Tengku Besar Tampin.
8. Pergi Rantau Kg. Lim Seum cari makam isteri Raja Embong. Saya, Abdul Rahman dan Shidi mudah-mudahan bertemu dengan makam 2 orang isteri Raja Embong dengan pertolongan orang Kg. Lim Seum pada 14.9.99 tepi sungai, masjid lama, berhampiran makam Datok Pawang Bongkok.

BUJANG HITAM DAN DATO' KELAMBU

Bujang Hitam dan Dato' Kelambu tidak mengikut lari ke Seri Menanti dengan alasan kalau kelakuan tidak senonoh pergi kemanapun di halau orang.

Dengan demikian Bujang Hitam dan Dato' Kelambu pergi ke Sungai Hujung Seremban. Dan Bujang Hitam menetap di Temiang berhampiran Bukit Jong dan meninggalkan dunia di situ di atas bukit di hadapan Transport lama.

Dan Dato' Kelambu tinggal di Rahang Kecil dan makamnya berada di Rahang Kecil telahpun dibawa oleh Yang Di Pertuan Besar Tengku Abdul Rahman semasa beliau melawat kawasan itu. Orang kampung Rahang Kecil kubur ini orang berasa dari Istana Raja Rembau bergelar Datuk Kelambu.

INGATAN

1. Suku Tiga Bator Nissan Tinggi telah dianugerah oleh Raja Melewar Dato' Memperang Di Raja.
2. Anugerah ini bagi Suku Tiga Bator Nisan Tinggi yang berketurunan Raja sahaja sebelum lari ke Seri Menanti bergelar Dato' Memperang Di Raja (Dato' Lembaga) dan juga Tiang Balai Undang Rembau.
3. Dan mendapat ganjaran yang sama seperti Lembaga yang lain.
4. Pada tahun 1924 Memperang Abdullah pada masa itu dipanggil oleh Undang Rembau Dato' Abdullah. Dan memberitahu Memperang Abdullah kalau selepas kamu mati jangan lantik hidupkan Lembaga kamu dengan alasan kerana kamu tidak ramai anak buah cuma kamu ada dua rumah sahaja sebuah di darat sebuah di baroh.
5. Dan begitu hasil diberi nama duit ubi 2 bara besar RM50 wang ini diambil di Istana Seri Menanti melalui di pondok Kg. Buyau pada tiap-tiap bulan. Pada itu datuk saya Hj Talib yang duduk di Kg. Labu Seremban yang pergi menuntut wang itu di Seri Menanti (Istana) pada Yang Di Pertuan Besar, melalui penjaga pondok di Kg. Buyau. Dengan itu Dato' Haji Talib meninggal dunia selepas perang Jepun, tidak ada lagi warisan di Astana Raja pergi menuntut wang itu sehingga kini.
6. Dan juga warisan di Astana Raja ada tanah kampung sawah dilepas daripada cukai pada masa ini itu telah ditarik balik kerajaan Rembau.
7. Di Astana Raja kini warisan tiada lagi bergelar raja, radin, megat wan dan lain-lain. inilah sebabnya orang tak peka di atas keturunan ke warisan kami.

DOL SAID SA`ABAN TABOH NAING

- 1802 - Jadi Penghulu
- 1812 - Perang Rembau
- 1831 - Perang Inggeris Pertama
- 1832 - Perang Inggeris Kedua
- 1834 - Serah Kalah
- 1849 - Mangkat tahun
- 1998 - Bina Batu Peringatan

TENGGU BESAR TAMPIN

Apabila perang selesai diantara Dol Said Sa`aban di Tampin pada masa itu Dol Said adalah sebagai Tengku Besar Tampin dan Dol Said adalah orang Taboh Naning, Melaka. Tampin adalah N. Sembilan, dari itu rakyat Tampin memberontak menghalau Dol Said dan berperang dan Tampin minta bantuan dari Rembau dan Raja Melewar menghantar Raja Haji Embong dan panglima-panglimanya pergi berperang melawan Dol Said. Dengan keputusan Dol Said tewas.

Dengan hal yang demikian Raja Melewar telah anugerahkan Tengku Besar Tampin buat selama-lamanya bagi warisan Raja Istana Raja Rembau.

Dan masa itu Raja Haji Embong telah melantik adiknya menyandang Tengku Besar Tampin 1912 oleh kerana Raja Haji Embong tak ikut lari ke Seri Menanti dan Raja Melewar pun telah dibunuh pada tahun 1815 dan Raja Ngah. Apabila Tengku Besar Tampin mangkat Yang Di Pertuan Besar anakanda Raja Melewar, Raja Hitam pada itu tak dapat berhubung waris-waris di Istana Raja Rembau, beliau telah melantik Tengku Besar Tampin yang baru, abang iparnya sendiri. Abang iparnya adalah adalah keturunan Syaid sehingga hari ini keturunan iparnya yang dilantik jadi Tengku Besar Tampin.

Keturunan raja di Astana Raja terlepas begitu sahaja pada hal Raja Melewar telah menyerahkan Tengku Besar Tampin kepada warisan yang berada di Istana Raja Rembau keturunan Raja Suku Tiga Bator Nissan Tinggi diatas jasa Raja Haji Embong, berperang menewaskan panglima Dol Said Sa`aban.

BAGAIMANA MAKAM RAJA MELEWAR DAPAT DIKESAN

Saya Hasanuddin bin Abas dilahirkan di Kampung Astana Raja Rembau pada 13.8.1931 dan dibesarkan di kampung yang sama bersekolah di tempat yang sama sehingga darjah 6 sekolah Melayu.

Apabila umur saya meningkat 13 tahun pada masa itu banyaklah orang-orang tua bercerita tentang Raja Melewar dan lain-lain atok-atok uwan-uwan dan orang-orang lain suka bercerita tentang hal ini. Apa sebab sayapun tak tahu. Kemungkinan juga saya suka bercampur dengan mereka. Mereka kata kau keturunan Raja Astana Raja, tetapi saya tidak mengambil berat diatas perkara ini kerana saya masih budak dan tidak terfikir apa-apa.

Dan selepas Perang Jepun tahun 1942-1945, masa itu Cina Komunis mula bermaharajalela di Malaya, dan Kerajaan menubuhkan pengawal kampung diberi nama Extra Polis Home Guard (H.G.[A.P.]). Sungguhpun pada itu dikira masih budak tetapi saya tidaklah seperti budak-budak lain yang sebaya dengan saya. Saya bercampur gaul dengan orang tua-tua sama ada siang atau malam di tempat pondok (AP). Di sinilah banyak orang-orang bercakap tentang Raja Melewar, Raja Muda, Raja Embong. Tetapi saya taklah mengambil berat cerita-cerita ini.

Dan mereka berkata Raja Melewar dan isteri dibunuh di Astana Raja sebelum lari ke Seri Menanti, Raja Muda dibunuh di Kampung Padang.

Ada yang bercerita mayat Raja Melewar dan Isteri ditinggalkan begitu saja di atas Bukit Serajin. Ada pula yang kata mayat ditanam di atas Bukit Serajin dimasukkan dalam guna kedua-duanya di tanam satu lubang, mati ditikam dengan buluh runcing kerana Raja Melewar tak lot ditikam dengan keris atau besi.

Pada tahun 1950 saya telah dewasa saya teringat kata-kata orang tua-tua dahulu. Saya beranikan hati merayau-rayau di atas Bukit Serajin kalau-kalau terjumpa kubur di kawasan itu dan membawa senapang patah bapa saya. Dia adalah penghulu, dan tidak tegah saya membawa senapangnya, oleh kerana pada masa itu saya adalah seorang anggota (AP) dan telah dapat nombor Extra Polis dari Balai Tampin. Dengan merayau di kawasan itu saya telah bertemu

sebuah kubur batu dakenya rapat diantara satu kira-kira sejengkal jaraknya. Hari pun sudah tengahari kira-kira 12 tengahari. Saya balik dan tidak bercerita kepada orang lain.

Dan saya taklah menyangka kubur itu kubur Raja Melewar.

Pada tahun 1951 saya masuk Askar Melayu. Apabila pencen tahun 1972 balik kampung. Tidaklah mengambil tahu perkara ini. Pada tahun 1973 saya dapat kerja di Genting Highlands sebagai Pengawal Keselamatan bertugas dalam kasino. Dan pada tahun 1975 pada masa itu telah dapat sakit-sakit demam. Pada masa itu saya telah didatangi seorang tua dalam mimpi suruh saya berhenti kerja. Katanya saya tak sesuai bekerja di sini dan suruh saya cari kerja di Kuala Lumpur. Saya tak hiraukan dan sayapun tak kenal orang tua dalam mimpi itu. Pada hujung tahun 1979 bulan 12 saya telah dapat sakit semula suruh berhenti oleh orang tua yang sama. Saya tak juga hiraukan sekali saya sakit berpanjang dan teruk dan mengambil keputusan berhenti kerja. Pada bulan sembilan, 1980 dan balik kampung. Berubat di merata-rata tempat dukun kampung sehingga ke Rawang, Ulu Langat dan Johor Kg. Melayu.

Pergi hospital doktor tak tahu sakit yang tanggung sebenar mengatakan tiada apa-apa semua baik katanya.

Dan dukun-dukun kampung kemana pergi mengatakan bersangkutan dengan nenek moyang kerana pusaka yang ditinggal tak dijaga.

Dan memberitahu nenek moyang kamu adalah raja yang memerintah negeri ini. Puas berubat se sana sini dengan kehendak Allah saya semboh hanya tinggal 100 lbs sahaja berat badan pada tahun 1981.

Oleh itu saya teringat cerita-cerita orang tua-tua dahulu berkenaan Raja Melewar dan yang lain. Saya mula mengkaji perkara-perkara itu sama ada benar atau sebaliknya dan tanya ibu dan uwan-uwan. Mengatakan benar kita keturunan raja. Dengan teringat saya berjumpa sebuah kubur di Bukit Serajin pada 1950. Saya cuba mencarinya tetapi tak berhasil kerana kawasan itu telah diteroka buat rumah dan jalanraya ke Lubuk Cina terkeliru tak dapat dipastikan. Walaupun begitu saya tak putus asa untuk mencarinya tetapi saya tidak menceritakan kepada orang atau keluarga atau bertanya-tanya.

Pada hujung tahun 1986 saya telah diilhamkan datang seorang tua dalam mimpi suruh cari makan Raja Melewar di Bukit Serajin hanya memberi tanda-tanda makam itu saja dan tak tunjukkan tempat kedudukan makam itu. Katanya Raja Melewar adalah nenek moyang kamu juga. Katanya pergi cari sampai jumpa katanya dalam mimpi itu, dan saya terkejut lepas itu dan termenong dan tengok jam pukul 1 ½ malam malam Jumaat. Pada besok paginya saya menjadi serba salah takut-takut kalau mimpi itu dirasuk syaitan. Telah memikirkannya saya cuba pergi kalau-kalau benar pula. Pada jam 8 pagi bertolak dari rumah sampai di Bukit Serajin, saya berjumpa seorang penurih getah Haji Mahat, bertanya kemana hendak pergi kerana tak pernah datang ke sini. Saya menjawab tiada apa-apa. Jawabnya mesti ada tujuan. Saya beritahu saya cari kubur, kubur siapa, kalau jumpa baru saya beritahu kubur siapa.

Dalam keadaan dia berfikir katanya dia ada jumpa kubur di sana. Cuba tengok dia tak tahu kubur siapa, katanya.

Kemudian saya pergi periksa betul ada dan teliti bagaimana tanda-tanda dalam mimpi diberitahu adalah sama tak berbeza dan saya berkeyakinan inilah makam Raja Melewar dan isterinya dan saya beritahu penurih getah itu makam itu adalah Makam Raja Melewar dan isterinya mati dibunuh. Dia terkejut besar tak menyangka makam Raja Melewar hanya terletak di tepi jalan.

Apabila saya telah berjumpa bersihkan dari semak samun kubur itu. Maka banyak orang yang terperanjat itu ada yang singgah menengok apa yang saya bersihkan. Apabila saya ceritakan ada yang percaya, ada yang tidak, ada yang 50-50, dan bertanya dimana kamu dapat tahu ini makan Raja Melewar, cara ilham mimpi.

Dan kemudian saya membuat kajian sendiri daripada pertemuan itu, mengikut cerita orang tua-tua dahulu dan berkeyakinan penuh baharulah saya terfikir disembahkan kepada D.Y.M. Yang Di Pertuan Besar Tuanku Ja'afar. Menulis surat kepadanya 17/10/92 meminta jasa baiknya peruntukan membina makam itu, makam Raja Muda, Makam Raja Embong, Bendahara.

Pada tanggal 7/11/92 jam 9.00 pagi D.O. Rembau telah minta tunjukkan makam-makam itu dan mengambil gambar kubur-kubur berkenaan.

Pada 19/11/92 jam 10 pagi ke Balai Undang Rembau berbicara dengan Undang Adnan tentang makam, tetapi Undang Adnan tak mengakui Raja Melewar dibunuh di Astana Raja Rembau atau Raja-raja lain mati di Astana Raja. Perbincangan tiada keputusan, katanya dia sendiri hendak jumpa Tengku Ja'afar.

Dan 11/12/95 saya merayu sekali lagi menulis surat kepada Pemangku Y.D.P.B. berkenaan makam tersebut oleh kerana tiada apa-apa jawapan yang diterima begitu juga sebaliknya daripada Pemangku Raja N.Sembilan.

Pada bulan 9/99 makam Raja Melewar dibina oleh J.K.R. Seremban dengan perintah dari siapa saya tak tahu kerana tidak dimaklumkan.

Pada 13/10/99 menulis surat mengucapkan terima kasih kepada yang berkenaan pembinaan makam tersebut. Kepada Pegawai Daerah Rembau, salinan kepada Raja Ja'afar, Y.D.P.B., Undang Rembau kaji sejarah, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Kementerian Kebudayaan Kuala Lumpur.

Dan seterusnya disiarkan dalam Harakah 8/11/99.

Pada 23/10/99 saya didatangi di rumah jam 3.30 petang oleh Panglima dalam Undang Rembau Hj Nawasi. Katanya dengan perintah Undang Haji Shariff, kalau orang bertanya atau bercakap jangan sebut perkataan bunuh. Katakan Raja Melewar, Isteri mati sakit bukan di bunuh. Pada masa itu saya sangkal, mana boleh bunuh tetap bunuh bagaimana 4 orang serentak mati, Raja Muda, Raja Ngah. Kalau eksiden kemalangan, kapal terbang/laut atau kereta, boleh dikatakan ramai, kalau sakit tak ada serentak mati 4 orang terpilih pula Raja Melewar, isteri Dayang Hanum, Raja Muda, Raja Ngah. Apabila saya cerita lain dia tak mahu dengar tujuannya datangan pada masa akan datang jangan sebut perkataan bunuh.

Dan pada masa ini di Makam Batu Peringatan Raja Melewar di Bukit Serajin mati sakit. Inilah satu penyelewengan sejarah, dan juga kedatangan rombongan Raja Melewar katanya terus ke Seri Menanti dan bukan Astana Raja Rembau datang melawat Rembau sakit terus mati. Di Rembau Istana Hinggap saja katanya.

Pada masa ini contoh Istana lama dulu dibangun dan Lubok Canggih digali semula dan lain-lain yang sangkut paut pada masa dulu.

MAKAN DIBINA

Pada 14/8/94 tiada riak dari mana-mana pihak diatas makam itu, saya telah membina makan itu dengan satu makan RM500.00 bermakna 4 makam RM2,000.00.

Dan selepas saya tulis surat kepada Tunku Ja'afar selepas gambar diambil oleh DO Hj Jaafar tiada berhenti-henti Jabatan Kaji Sejarah dari Kuala Lumpur dan lain datang mengkaji makam itu tidak putus-putus selama 7 tahun dari orang Melayu, Cina, India dan lain-lain. Tetapi tiada seorang pun datang menemui saya untuk menanyakan kisahnya.

Dan saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan tidak disangka-sangka makam itu dibina dan iktiraf pada bulan 9/99. Sehingga ini saya tak dapat apa-apa perkembangannya walaupun saya yang membangkitkan dan menunjukkan dengan tepat makam itu. Inilah dunia sekarang yang benar jadi tak benar dan sebaliknya.

Walaupun makam itu hampir-hampir 200 tahun tiada siapapun yang boleh menunjukkannya, ceritanyapun jauh sekali. Nama Raja Melewar sebenarnya ialah Kamarulzaman bukannya tercatit di batu peringatan di Bukit Serajin MAHMUD mati 1795. Sebenarnya datang 1795 dibunuh 1815.